

## Empat Pusat UMS Rai Aidilfitri dengan Gaya Lestari

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 06 Julai 2018 17:18 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 583

[Syorkan 50](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 6 JULAI** - Satu sambutan Hari Raya Aidilfitri diadakan bersama oleh Pusat Pengurusan EcoCampus, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Pusat Pelaburan dan Endowmen serta Pusat Pengurusan Data dan Maklumat hari ini di Kafe D'Sireh, Bangunan Canselori.

Selain menyemarakkan lagi bulan Syawal yang mulia ini, ia juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama kakitangan.

Sambutan itu juga menunjukkan satu kelainan apabila semua mereka bersama-sama menggunakan bekas makanan sendiri yang boleh diguna semula bagi mengurangkan penggunaan piring kertas dan polistirena yang tidak mesra alam sebagai tanda sokongan terhadap agenda EcoCampus UMS.

Ia dilihat mampu mendorong para pentadbir dan kakitangan keempat-empat pusat untuk meneruskan amalan baik ini serta memotivasi jabatan, fakulti, pusat, institut dan unit lain untuk berbuat demikian pada masa hadapan.

Hadir sama pegawai-pegawai kanan keempat-empat pusat berkenaan.